

**KESESUAIAN HOMESTAY SEBAGAI PUSAT LATIHAN PENDIDIKAN LUAR DI  
JOHOR DARUL TA'ZIM**

**KAMAROLZAMAN BIN HAJI MOHD. JIDI**

Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
IJAZAH DOKTOR PENDIDIKAN

**Universiti Selangor  
Ogos, 2011**

## ABSTRAK

Kajian ini meninjau tahap pengurusan homestay, kemudahan-kemudahan yang disediakan, pelaksanaan aktiviti Latihan Pendidikan Luar serta tahap pelaksanaan elemen utama sebagai Pusat Pendidikan Luar kepada pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi. Kajian ini dijalankan di Homeatay Tawar Farm & Plantation, Muar dan Homestay Sarang Buaya, Batu Pahat. Sampel kajian adalah seramai 21 orang pengusaha, 258 orang pelajar/pengunjung homestay dan seramai 45 penduduk di sekitar homestay berkenaan. Kajian ini berbentuk tinjauan yang menggunakan kaedah soal selidik sebagai kaedah utama bagi mengumpulkan data. Manakala kaedah temubual bersemuka dan pemerhatian digunakan sebagai penguat data yang diuruskan melalui temua-bual bersemuka. Data yang diperolehi melalui borang soal selidik dianalisis dan dikemukakan dalam bentuk analisis statistik deskriptif menggunakan *Statistical Package for Social Science version 17*. Taburan skor min telah digunakan bagi menentukan aras pengurusan homestay oleh pengurus homestay, aras kemudahan-kemudahan yang disediakan di homestay, pelaksanaan aktiviti Latihan Pendidikan Luar oleh pihak homestay serta tahap pelaksanaan elemen utama sebagai Pusat Pendidikan Luar oleh homestay. Keputusan kajian menunjukkan bahawa tahap pengurusan homestay, kemudahan, pelaksanaan aktiviti pendidikan luar, dan pelaksanaan elemen utama sebagai Pusat Pendidikan Luar oleh homestay adalah berada pada tahap yang tinggi. Di akhir kajian ini, beberapa cadangan telah dikemukakan kepada pihak homestay bagi tujuan penambahbaikan. Kajian ini turut menyatakan beberapa cadangan kepada pihak institusi pengajian tinggi berkenaan pendidikan luar serta kepada masyarakat kampung untuk meningkatkan dan menyokong pelaksanaan pendidikan luar di homestay. Cadangan untuk penyelidikan akan datang juga ada dinyatakan.

## ABSTRACT

*The main purpose of this study was to gather descriptive data in order to describe the levels of homestay management, facilities, implementation outdoor learning activity and level of the implementation as the key element of outdoor learning center by homestay. At the same time the key element which made homestay as an external education centre was also studied. This study was carried Homestay Tawar Farm and Plantation, Muar and Homestay Sarang Buaya, Batu Pahat. The samples of this research were 21 homestay entrepreneurs, 258 students / visitors and 45 peoples who lived around the homestay. This study shaped the survey which used questionnaire to collect the primary data. While interview used as was administered. Data that obtained through questionnaire were analysed and addressed in descriptive statistical analysis using the Statistical Package for Social Science version 17. The mean score distribution was determined for homestay management level, facilities that were available in homestay, implementation of outdoor learning activity and key element of outdoor learning. The results showed that homestay levels of management, facility, implementation of outdoor learning activity, and key element implementation as outdoor learning center by homestay were high level. At the end of this study, some suggestions were propounded to homestay party for improvement purposes. This study also expressed some suggestions to the higher learning institutions, external education and to village community to increase and support external education implementation in the homestay. Suggestion for future research were also stated.*

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0.Pengenalan**

Program pendidikan luar merupakan salah satu pendekatan pembelajaran yang tidak formal di mana pelajar dapat merasa dan mempunyai pengalaman sendiri mengenai aktiviti yang dijalankan sepanjang tempoh pembelajaran diadakan. Dalam program pendidikan di luar bilik darjah ini, para pelajar didedahkan dengan pelbagai perkara baru yang sebelum ini tidak pernah mereka pelajari ketika di dalam bilik darjah. Di Malaysia, program pendidikan luar ini telah lama dilaksanakan dan mendapat perhatian masyarakat sejak akhir-akhir ini. Kelab-kelab atau persatuan-persatuan semakin kerap menganjurkan program atau aktiviti luar. Kementerian Belia dan Sukan khususnya “Bahagian Rakan Muda” memperuntukkan belanjawan yang besar untuk aktiviti-aktiviti rekreasi seperti mendaki gunung, berkayak, berakit, kembara alam dan sebagainya (Masrina, 2000). Sebagai contoh, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang diwajibkan kepada pelajar lepasan SPM merupakan salah satu program pendidikan luar yang telah berjaya dilaksanakan di negara kita.

Pusat Perkembangan Kurikulum 1989 (Abu Bakar Sidek, 2004) telah menggariskan Falsafah Pendidikan Luar sebagai:

*“Alam semulajadi merupakan sebuah makmal hidup yang kaya dengan sumber ilmu. Ia boleh digabungkan dengan amalan yang boleh memperkayakan pengalaman dan memupuk nilai-nilai murni bagi melahirkan individu yang sihat dari segi mental, rohani dan jasmani dalam usaha mewujudkan integrasi di kalangan masyarakat ke arah kesepaduan nasional”.*

Pendidikan luar pada asasnya boleh didefinisikan sebagai penggunaan sumber-sumber luar daripada bilik darjah untuk mencapai matlamat dan objektif pendidikan (Knapp, 1990) . Ianya adalah merupakan suatu aktiviti yang menarik yang mana ia boleh dijalankan dengan pelbagai aktiviti seperti rekreasi, aktiviti sosial dan aktiviti ibadah selain untuk pendidikan. Dalam dunia pendidikan ia disifatkan sebagai merentas kurikulum. Selain itu pendidikan luar juga merupakan salah satu media yang membekalkan pembelajaran melalui pengalaman. Perkara ini turut diakui oleh Meier dan Mitchell (1993), yang menyatakan bahawa pendidikan luar termasuklah semua jenis pengalaman yang meningkatkan pengetahuan, tingkah laku atau kemahiran luaran dan membantu membuatkan kita lebih menghargai. Selain itu aktiviti pendidikan luar juga menghasilkan pengalaman yang membolehkan interaksi dan mengetahui persekitaran alam semulajadi (Brookes, 1994). Program pendidikan luar ini juga mengajar para pelajar secara melihat, merasa dan menjelajahi persekitaran mereka dengan menyertai pelbagai aktiviti yang telah disediakan.

### **1.1 Pusat Latihan Pendidikan Luar (*Outdoor Learning Center*)**

Pendidikan luar boleh didefinisikan sebagai suatu falsafah pendidikan yang berteraskan kaedah pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*), kerap dilaksanakan di alam semula jadi dan melibatkan pelaksanaan aktiviti lasak seperti

berkayak, mendaki gunung dan berenang sebagai medium membina kemahiran insaniah (Md. Amin, 2004). Falsafah pendidikan yang unik ini dipercayai telah diaplikasikan oleh masyarakat dunia sejak ribuan tahun yang lampau sebelum pengenalan sistem pembelajaran bilik darjah.

Ianya adalah satu pendekatan pembelajaran yang memberikan tumpuan kepada tiga domain pendidikan iaitu, kognitif, psikomotor dan afektif dalam setiap aktiviti yang dirancang dan program tersebut adalah sebagai perantara kepada proses pembelajaran. Ringkasnya, pendidikan luar yang mempunyai asas teori dan falsafah yang kukuh, telah digunakan secara meluas di negara barat dalam bentuk pembelajaran yang berasaskan pengalaman melalui ketiga-tiga domain pendidikan sekali gus (Priest & Gass, 1997). Di Malaysia pendidikan luar dijadikan sebagai satu medium untuk masyarakat mendekati diri dengan alam. Ini kerana kebanyakan program pendidikan luar diadakan di kawasan luar bandar yang masih mempunyai persekitaran alam sekitar yang semulajadi. Brookes (1991), menyatakan yang takrif pendidikan luar sebagai sesuatu yang berkait rapat dengan masa dan tempat. Masa bermaksud aktiviti pendidikan luar yang diadakan perlulah dirancang dari awal masanya supaya bersesuaian dengan keadaan manakala tempat juga hendaklah dipilih bersesuaian dengan aktiviti pendidikan luar yang hendak diadakan sebagai contoh aktiviti perkhemahan hendaklah dilaksanakan di tempat yang mempunyai latar belakang seperti hutan atau air terjun ataupun di tepi pantai.

Memandangkan kebanyakan aktiviti pendidikan luar banyak dilaksanakan di kawasan luar bandar, maka masyarakat kampung terutamanya telah mengambil inisiatif ini dengan menyediakan keperluan Program Edu-Eco-Tourisme kepada para pelajar yang terlibat. Salah satu Program Edu-Eco-Tourisme ialah pusat homestay. Homestay ialah rumah awam yang menyediakan ruang atau bilik untuk disewakan kepada pelancong. Kaedah homestay ini bertujuan bagi menampung kekurangan tempat tinggal atau tempat penginapan di sesetengah tempat terutamanya di kawasan yang kecil dan terpencil yang tidak mempunyai hotel, resort, chalet dan sebagainya. Selain itu, program homestay ada juga menawarkan pelbagai jenis aktiviti iaitu bergantung kepada budaya, makanan, aktiviti ekonomi serta lokasi (Wikipedia, 21

Mei 2009). Program homestay ini juga boleh dikategorikan sebagai salah satu aktiviti pendidikan luar.

Di samping dapat mempromosikan kawasan pelancongan di tempat mereka, masyarakat kampung juga dapat menambahkan pendapatan ekonomi mereka dengan mengadakan program homestay ini. Program homestay ini dilihat berpotensi untuk membantu memajukan lagi aktiviti pendidikan luar di negara kita. Ia juga dapat dilihat sebagai salah satu pusat latihan pendidikan luar yang menyediakan pelbagai aktiviti dan kemudahan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti luar tersebut. Lokasi homestay merupakan elemen paling penting untuk mewujudkan pusat latihan pendidikan luar (*outdoor learning center*) di Malaysia.

Homestay merupakan satu program industri pelancongan di Malaysia di mana bertujuan menarik pelancong asing datang melawat ke Malaysia untuk menghayati keindahan alam semula jadi Malaysia yang kaya dengan adat resam serta pelbagai budaya. Memandangkan, terdapat peningkatan permintaan yang tinggi daripada pelancong luar negara, negara kita kini telah memajukan program homestay ini di bawah pembangunan masyarakat kampung. Konsep pelancongan ini sebenarnya telah diperkenalkan pada awal tahun 20an yang lepas berdasarkan peningkatan terhadap tanggungjawab sosial dan persekitaran (Miller, 2009). Kerajaan Malaysia juga telah menyedari kepentingan ini bahawa sektor bekerja sendiri dan keusahawanan dapat membangunkan negara dan meningkatkan pendapatan negara.

Program homestay atau nama lainnya inap desa telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia pada tahun 1988 usaha untuk memajukan industri pelancongan dengan menyediakan tempat tinggal alternatif kepada para pelancong. Program ini telah dirasmikan pada tahun 1995 oleh Menteri Pelancongan, Seni Budaya dan Warisan di beberapa tempat dan kawasan termasuklah di Desa Murni, Kerdau, Temerloh Pahang. Program ini bertujuan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat luar bandar terlibat secara tidak langsung dalam industri pelancongan. Melalui program ini, pelancong dapat menikmati pelancongan mereka dengan kos yang rendah di mana berbeza dan tidak terdapat di negara lain. Program homestay ini

merupakan produk alternatif bagi industri pelancongan untuk menarik lebih ramai pelancong asing datang ke negara kita dan mengenali lebih dekat mengenai kehidupan, budaya, adat resam serta keindahan Malaysia. Ini juga merupakan strategi kerajaan untuk membantu meningkatkan taraf hidup serta ekonomi masyarakat luar bandar melalui industri pelancongan dan keusahawanan (Pazim Othman, M. Mohd. Rosli. 2011).

Selain dapat membantu dan meningkatkan industri pelancongan negara dengan menyediakan tempat tinggal kepada pelancong, program homestay juga mempunyai peranan yang sangat besar dalam sektor pendidikan. Di mana ia kini telah dijadikan sebagai tempat atau kawasan untuk melakukan aktiviti-aktiviti pendidikan luar iaitu aktiviti-aktiviti kokurikulum bagi pelajar-pelajar sekolah, institusi pendidikan awam dan swasta serta kepada organisasi-organisasi kerajaan mahupun swasta. Peranan homestay kini semakin meluas dan ia kini dapat dilihat sebagai salah satu alternatif bagi mengadakan pendidikan rohani, sahsiah, kepimpinan, motivasi dan sebagainya. Jika dulu, kemudahan homestay hanya sebagai tempat persinggahan sementara untuk mengadakan kenduri kendara ataupun pelancongan tapi kini ia boleh dijadikan sebagai salah sebuah pusat latihan bagi melaksanakan program-program pendidikan luar atau lebih mesra dipanggil sebagai *outdoor learning center*. Ia menjadi pilihan kerana kawasannya jauh dari kesibukan bandar serta mempunyai suasana yang tenang serta persekitaran yang bersih dan memang sesuai dijadikan sebagai tempat untuk proses pembelajaran dan beriadah (Tawar Farm and Plantation, 2010).

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Keseimbangan dalam bidang akademik dan kokurikulum di sekolah mampu melahirkan pelajar yang sepadu dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelek. Tapi kini dapat dilihat ibu bapa dan para pelajar sendiri terlalu



mementingkan bidang akademik sahaja berbanding kokurikulum di mana mereka terlalu obses dengan peperiksaan dan menjadikan peperiksaan sebagai satu budaya. Oleh itu, pada tahun 2010 Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan para pelajar tidak terlalu obses dengan peperiksaan iaitu salah satunya dengan memastikan perlaksanaan sukan sebagai satu elemen wajib di sekolah. Ini kerana berdasarkan kajian atitud pelajar UPSR 2009 mendapati hanya enam peratus sahaja pelajar UPSR itu meminati bidang sukan. Kajian ini amat membimbangkan kita kerana dapat dilihat sistem pendidikan di Malyasia kini lebih menekankan aspek kecemerlangan akademik sahaja manakala aktiviti kokurikulum diabaikan. Menurut Dr. Fuad Zakarsi dan Datuk Saifuddin Abdullah bahawa aktiviti kokurikulum bukan sahaja dapat membantu melahirkan pelajar yang sihat dari segi fizikal dan mental malah dapat membentuk sahsiah dan keperibadian seseorang. (Utusan Malaysia, 13 Januari 2010).

Bagi membangunkan modal insan di kalangan pelajar, penglibatan para pelajar dalam aktiviti kokurikulum diambil kira sebagai salah satu kriteria kemasukan pelajar ke universiti iaitu sebanyak 10 peratus markah kokurikulum berbanding 90 peratus pencapaian akademik. Menurut Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah ketika berucap di Majlis Sambutan Siswa Lestari Universiti Sains Malaysia (USM) di Dewan Tuanku Syed Putra USM (2009), walaupun keputusan akademik menjadi ukuran awal untuk melayakkan diri menghadiri temuduga kerja tetapi lazimnya soalan akademik tidak akan ditanya oleh penemuduga kerana perkara yang dinilai semasa sesi temuduga adalah meliputi kemahiran insaniah seperti berkomunikasi, berfikir secara kritis, etika, kerja berpasukan, profesionalisme dan kepimpinan. Justeru, semua pihak perlu mengambil kira aspek kokurikulum kerana pendidikan di universiti bukan tertumpu pada akademik semata-mata tetapi ia turut meliputi perkara lain yang masih ada kaitan dengan dunia akademik.

Selain faktor terlalu mengutamakan mata pelajaran akademik di sekolah, faktor kekurangan struktur dan kemudahan serta alatan juga merupakan faktor utama yang menyebabkan para pelajar tidak berminat untuk menceburkan diri dalam bidang kokurikulum di sekolah. Hasil kajian Mohd Jaflus Bahari (2005) mendapati faktor

utama menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum ialah kekurangan peralatan dan kemudahan untuk melakukan aktiviti kokurikulum serta hanya boleh digunakan pada masa tertentu sahaja serta lokasi kemudahan yang tidak sesuai. Selain dari itu bilangan peralatan yang tidak mencukupi berbanding pelajar yang ramai juga satu faktor yang membataskan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum terutamanya bidang sukan. Dapatan ini disokong oleh kajian yang telah dilakukan oleh Mat Aris Abdul Hadi (1994) yang menyatakan antara faktor penghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum adalah faktor luaran iaitu kemudahan. Kajian oleh Roslan Ahmad (1994), Mohammad Haris Meo(1999), Mustafa Kamal(2000) dan Ramli Ismail(1999) telah menyokong kajian iaitu salah satu faktor utama menghalang penglibatan pelajar ialah kemudahan. Dapatan kajian tersebut sama dengan kajian yang telah dilakukan oleh Zulkaffli Mansor (1997) yang menyatakan faktor struktur seperti saiz sekolah yang kecil, bilangan pelajar yang ramai amat mempengaruhi penglibatan pelajar dalam menyertai kegiatan kokurikulum, sementara faktor-faktor lain hanyalah sebagai penyokong.

#### **1.4 Pernyataan Masalah**

Penyelidik ingin mengkaji kesesuaian pengurusan, aktiviti-aktiviti pendidikan dan kenapa lokasi serta kawasan homestay menjadi tumpuan pilihan untuk melaksanakan program pendidikan luar. Di samping itu mengenalpasti elemen-elemen pendidikan luar yang terdapat di pusat homestay itu. Penyelidik akan memilih Pusat Homestay di Muar iaitu Tawar Farm and Plantation dan Homestay di Kampung Sarang Buaya, Batu Pahat, yang juga mengadakan aktiviti-aktiviti pendidikan luar sekolah atau institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta. Isu yang berlaku banyak laporan sebelum ini, iaitu berlakunya rungutan bahawa ketidakcukupan masa mengelolakan OLC akibat daripada pertindihan dan keutamaan kurikulum; takut kemalangan atau kecederaan dan pendakwaan; ruang yang tidak mencukupi;

kekurangan peralatan; kekurangan kemahiran mengendalikan OLC dan juga pandangan negatif daripada pendidik `senior` yang boleh menimbulkan gangguan dan sebagainya, telah menyebabkan OLC tidak berkesan di sekolah dan intitusi pendidikan lain, sebagaimana juga dinyatakan oleh *The Field Studies Council , England . (2009)*. Sehubungan itu, maka banyak aktiviti-aktiviti kokurikulum yang tidak dapat dilaksanakan di sekolah ialah seperti berkayak, perkhemahan, memanah, aktiviti rekreasi dan sebagainya kerana sekolah tidak dapat menyediakan struktur, kemudahan serta kelengkapan yang sempurna untuk para pelajar dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum tersebut. Menteri Pelajaran YB. Saifuddin bin Abdullah mengatakan bahawa penglibatan dalam OLC pelajar, mahasiswa atau individu akan mendatangkan kesan yang membolehkan mereka menguasai kebijaksanaan pemikiran kreatif, berkomunikasi dan mempunyai daya tahan yang mampu bersaing di peringkat global mahupun di peringkat global. (Saifuddin, Utusan Malaysia, 14 April, 2011). Bahkan pelbagai pakar pendidikan dan ahli falsafah menegaskan bahawa OLC atau `experiential learning` amat penting dan sungguh-sungguh berfaedah Nina Morris .(2003). Bahkan Confucius, 450 B.C mengatakan dengan jelas akan kepentingan *experiential learning* berbunyi:

*Tell me, and I will forget.*

*Show me, and I may remember.*

*Involve me, and I will understand.*

Berbanding aktiviti sukan, lebih ramai pelajar berminat menceburi bidang pendidikan luar kerana tidak melibatkan tahap kemahiran dan kecergasan fizikal yang tinggi. Akibatnya, pelbagai lapisan pelajar yang berbeza tahap kecergasan fizikal dan mental menyertai program pendidikan luar berbanding pelajar yang menyertai acara sukan. Faktor ini secara tidak langsung menjadikan pendidikan luar lebih terdedah kepada risiko kemalangan berbanding aktiviti sukan. Lazimnya, apabila berlaku suatu insiden yang tidak diinginkan dalam program pendidikan luar, pihak pentadbir akan terus mengambil tindakan terburu-buru untuk “mengharamkan” pelaksanaan program

yang serupa (aktiviti air contohnya) di institusi kendalian mereka (Berita Minggu, 2006). Namun, tindakan yang tidak rasional ini tidak pernah berjaya mengurangkan insiden kemalangan dalam pendidikan luar. Malahan data menunjukkan bahawa semakin banyak insiden kemalangan yang berlaku lantaran pengharaman aktiviti pendidikan luar di sesebuah institusi. Tinjauan penyelidik melalui arkib berita dalam talian mendapati bahawa dari bulan Januari hingga September 2008, terdapat sembilan insiden kematian akibat aktiviti luar anjuran pelajar sendiri (Berita Minggu, 2008a, 2008b; Mohd Nur Asmawi, 2008). Berita terkini di Kuala Krai, 'Kak gadai nyawa demi adik', mengalami kemalangan maut lemas, kerana ingin menyelamatkan adik ketika mereka melakukan 'recreation' iaitu berkelah bersama keluarga. Manakala pada tempoh yang sama tidak ada sebarang berita kemalangan dicatatkan dalam aktiviti pendidikan luar anjuran institusi pendidikan. Faktor ini pastinya didorong oleh tidak adanya pengawasan pendidik atau jurulatih pendidikan luar yang terlatih dalam aktiviti pendidikan luar yang dianjurkan oleh pelajar tersebut. Salah satu penyebabnya mungkin kerana "pengharaman" program pendidikan luar di institusi tersebut.

Tindakan "pengharaman" bukanlah langkah yang bijak dalam menangani isu insiden kemalangan dalam program pendidikan luar. Sebaliknya, pendidikan luar harus digunakan sebagai medium utama untuk mendidik pelajar dan pendidik serta pentadbir tentang teknik-teknik mengatasi risiko dalam program pendidikan luar. Negara maju seperti Amerika Syarikat, Great Britain, New Zealand dan Australia menjadikan pendidikan luar sebagai medium utama untuk mendidik masyarakat tentang keselamatan di alam semula jadi. Program pendidikan keselamatan pendidikan luar ini diterapkan secara rasmi dalam kurikulum pendidikan negara tersebut seawal pelajar berumur lima tahun. Kesannya, kadar kematian akibat aktiviti pendidikan luar atau di alam semula jadi di negara tersebut mencatatkan penurunan yang drastik (Priest, 1989; Zink, 2003).

Justifikasi terpenting penyelidikan ini dilakukan, juga adalah atas gagasan Kongres Majlis Profesor Negara(MPN) yang berlangsung pada 6 hingga 8 Julai 2011

di dalam 14 resolusi yang diluluskan antaranya adalah menekankan kepentingan sistem pendidikan dengan pendekatan kesepaduan di antara pendidikan dasar hingga tertiary Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta berorientasikan bakat, bukan peperiksaan. Juga pembanguan modal insan berpengetahuan tinggi dan kemahiran tinggi serta sistem keselamatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Di samping itu mengukuhkan dasar, proses perancangan dan tadbir urus sektor sumber asli dan alam sekitar berasaskan sasaran keberhasilan konkrit dan jelas. (Berita Harian, 9 Julai 2001, m/s 4). Ini selaras dengan pandangan Manon P. Charbonneau dan Barbara E. Reider (1995) dalam bukunya bertajuk, *“The Integrated Elementary Classroom: A Development Model of Education for the 21<sup>st</sup> Century, all such incorporate the following: relevant, active learning experiences, a well-provisioned environment that encourages independence; the careful development of multiple intelligences; opportunities for children to develop skill and attitudes that promote resiliency; ongoing formal and informal assessment of children, teachers and curriculum and.....*

Oleh itu, penyelidik ingin mengkaji keberkesanan dan kecekapan Pusat Homestay sebagai pusat pendidikan luar yang dapat memenuhi keperluan pembangunan modal insan rakyat Malaysia khususnya para pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi dan pengguna lain demi melakukan transformasi Negara Malaysia.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- a. Mengenalpasti tahap pengurusan homestay yang dilaksanakan oleh Homestay di Tawar Farm (TFP) dan Plantation, Muar dan Homestay di

- Sungai Sarang Buaya (SSB), Batu Pahat, Johor yang dapat memenuhi keperluan sesebuah Pusat Latihan Pendidikan Luar(PLPL).
- b. Mengenalpasti tahap penyediaan kemudahan-kemudahan oleh Homestay di Tawar Farm dan Plantation(TFP), Muar dan Homestay Sungai Sarang Buaya(SSB), Batu Pahat, Johor yang dapat memenuhi keperluan sesebuah pusat latihan pendidikan luar(PLPL).
  - c. Mengenalpasti tahap pelaksanaan aktiviti Latihan Pendidikan Luar (LPL), yang disediakan oleh Homestay di Tawar Farm dan Plantation (TFP), Muar dan Homestay Sungai Sarang Buaya (SSB), Batu Pahat, Johor yang dapat memenuhi keperluan sesebuah Pusat Latihan Pendidikan Luar(PLPL).
  - d. Mengenalpasti elemen utama yang boleh menjadikan sesebuah homestay sebagai Pusat Latihan Pendidikan Luar(PLPL) di Homestay Tawar Farm dan Plantation (TFP), Muar dan Homestay Sungai Sarang Buaya (SSB), Batu Pahat, Johor.
  - e. Mengenalpasti tahap pelaksanaan elemen-elemen Latihan Pendidikan Luar (LPL) dengan perkembangan kognitif, psikomotor dan afektif Domin Taxonomi Bloom di Homestay Tawar Farm dan Plantation (TFP), Muar dan Homestay Sungai Sarang Buaya (SSB), Batu Pahat, Johor.
  - f. Mengenalpasti tahap pelaksanaan elemen-elemen Latihan Pendidikan Luar (LPL) dengan konsep *Experiential Learning* di Homestay Tawar Farm dan Plantation (TFP), Muar dan Homestay Sungai Sarang Buaya (SSB), Batu Pahat, Johor.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui sejauhmanakah tahap homestay di Tawar Farm and Plantation dan homestay di Kg. Sungai Ssarang Buaya, Semerah, batu Pahat, Johor Darul Ta`zim.

Persoalan yang difokuskan adalah seperti berikut:

- a. Sejauh manakah tahap pengurusan homestay yang dilaksanakan oleh Homestay di Tawar Farm (TFP) dan Plantation, Muar dan Homestay di Sungai Sarang Buaya (SSB), Batu Pahat, Johor yang dapat memenuhi keperluan sesebuah Pusat Latihan Pendidikan Luar (PLPL)?
- b. Sejauh manakah tahap penyediaan kemudahan-kemudahan oleh Homestay di Tawar Farm dan Plantation (TFP), Muar dan Homestay Sungai Sarang Buaya (SSB), Batu Pahat, Johor yang dapat memenuhi keperluan sesebuah pusat latihan pendidikan luar (PLPL)?
- c. Sejauh manakah tahap pelaksanaan aktiviti Latihan Pendidikan Luar (LPL), yang disediakan oleh Homestay di Tawar Farm dan Plantation (TFP), Muar dan Homestay Sungai Sarang Buaya (SSB), Batu Pahat, Johor yang dapat memenuhi keperluan sesebuah Pusat Latihan Pendidikan Luar (PLPL)?
- d. Apakah elemen utama yang boleh menjadikan sesebuah homestay sebagai Pusat Latihan Pendidikan Luar (PLPL) di Homestay Tawar Farm dan Plantation (TFP), Muar dan Homestay Sungai Sarang Buaya (SSB), Batu Pahat, Johor?
- e. Sejauh manakah tahap pelaksanaan elemen-elemen Latihan Pendidikan Luar (LPL) dengan perkembangan kognitif, psikomotor dan afektif Domin Taxonomi Bloom di Homestay Tawar Farm dan Plantation (TFP), Muar dan Homestay Sungai Sarang Buaya (SSB), Batu Pahat, Johor?
- f. Sejauh manakah tahap pelaksanaan elemen-elemen Latihan Pendidikan Luar (LPL) dengan konsep *Experiential Learning* di Homestay Tawar Farm dan Plantation (TFP), Muar dan Homestay Sungai Sarang Buaya (SSB), Batu Pahat, Johor?

## 1.6 Skop Kajian

Dalam kajian ini, lokasi kajian dijalankan adalah di Homestay Tawar Farm and Plantation, Muar dan Homestay/ Agrotourisme di Sarang Buaya, Batu Pahat, Johor. Populasi kajian adalah keseluruhan kakitangan dan pengurus, pengunjung khusus para pelajar dan penduduk sekitar Homestay di Muar dan Batu Pahat, Johor. Skop kajian ini adalah ditumpukan kepada perspektif pengurusan, kemudahan-kemudahan, aktiviti-aktiviti, elemen-elemen penting homestay sebagai pusat latihan pendidikan luar di samping mengkaji elemen-elemen kognitif, afektif dan psikomotor di dalam pelaksanaan pendidikan luar dengan rujukan secara umum kepada konsep *experiential learning* di homestay di Muar dan Batu Pahat, Johor.

Maklumat kajian dipereolehi daripada hasil maklum balas responden melalui borang soal selidik yang diedarkan. Terdapat banyak elemen yang diperlukan untuk menjadikan sesebuah Homestay itu sebagai Pusat Latihan Pendidikan Luar (OLC). Namun dalam kajian ini penyelidik hanya mengkaji elemen tahap pengurusan dan kemudahan-kemudahan serta aktiviti-aktiviti Latihan Pendidikan Luar serta elemen-elemen Latihan Pendidikan Luar yang disediakan oleh Tawar Farm and Plantation sebagai homestay untuk dijadikan sebagai tempat atau pusat latihan pendidikan luar (PLPL) di Muar, Johor dan Homestay/Agrotourisme di Sarang Buaya di Semerah, Batu Pahat, Johor. Setiap bahagian elemen yang dikaji mengandungi 10 hingga 11 item yang menjawab kesemua persoalan kajian dikaji. Kajian ini juga membolehkan penyelidik merangka kaedah bagi mengenalpasti elemen-elemen yang menyumbang kepada sesebuah Homestay sebagai Pusat Latihan Pendidikan Luar (OLC) yang berkesan.



## 1.7. Batasan Kajian

Kajian ini menghadapi pelbagai kekangan dan batasan. Oleh itu, kajian ini telah dibataskan kepada perkara-perkara tertentu sahaja supaya tidak terlalu luas dan ianya mudah untuk dianalisis. Batasan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (i) Kajian ini hanya melibatkan pengusaha Homestay Tawar Farm dan Plantation (TFP), Muar, Johor dan Pusat Homestay di Kg. Sungai Sarang Buaya (SSB), Batu Pahat, Johor.
- (ii) Responden terdiri daripada penguasa, penduduk sekitar dan pengunjung (pelajar) yang menggunakan homestay di dalam program mereka di Tawar Farm dan Plantation( TFP), Muar dan Pusat Homestay di Kg. Sungai Sarang Buaya (SSB), Batu Pahat, Johor.
- (iii) Kajian ini akan menyentuh konsep-konsep pendidikan khususnya konsep *experiential learning* secara umum sahaja.
- (iv) Kajian ini perlu diselesaikan dalam jangka masa yang terhad dan ini akan menyebabkan pengkaji tidak mampu membuat kajian secara mendalam. Kajian yang akan dijalankan ini hanyalah berdasarkan kepada objektif kajian.
- (v) Kajian ini hanya mengkaji pengelibatn 21 homestay, iaitu 10 buah di Tawar Farm dan Plantation (TFP), Muar, Johor dan 11 buah di Kg. Sungai Sarang Buaya (SSB), Batu Pahat, Johor.
- (vi) Luas kawasan aktiviti Latihan Pendidikan Luar (LPL) adalah berdasarkan kedudukan rumah penduduk sekitar yang terlibat sama dalam aktiviti Latihan Pendidikan Luar (LPL) yang dilaksanakan oleh pusat homestay Tawar Farm dan Plantation (TFP), Muar, Johor dan Kg. Sungai Sarang Buaya (SSB), Batu Pahat, Johor
- (vii) Penyelidik perlu berhati-hati dan perlu berada ditempat penyelidikan untuk memastikan borang selidik yang dikumpulkan semula tidak berkurangan daripada jumlah edaran sebenar.

## 1.8.Keentingan Kajian

Kajian ini membolehkan kita mengetahui elemen-elemen yang boleh menjadikan sesebuah homestay menjadi satu pusat latihan pendidikan luar efektif . Melalui kajian ini juga, diharapkan ianya dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan bagi dalam mewujudkan dan melahirkan homestay yang sesuai sebagai Pusat Latihan Pendidikan Luar (LPL). Selain mengetahui elemen-elemen yang menjadi faktor kepada pembangunan sesebuah homestay yang sesuai sebagai Pusat Latihan Pendidikan Luar(PLPL). Kajian ini turut menyenaraikan elemen yang boleh digunakan sebagai model pembangunan sesebuah Pusat Latihan Pendidikan Luar (PLP). Khususnya elemen pembangunan kognitif, psikomotor dan afektif pelajar yang penting dalam segala aktiviti latihan pendidikan luar khususnya dilaksanakan di sesebuah homestay.

Berikut merupakan ringkasan kepada kepentingan kajian. Dapatan yang diperolehi hasil daripada kajian ini diharapkan mampu:

- a) Membantu pengusaha yang berminat untuk menaiktarafkan supaya boleh menjadikan homestay sebagai pusat latihan pendidikan luar (PLPL).
- b) Membantu pihak pengurusan sebuah homestay mengenalpasti elemen-elemen penting yang perlu ada agar bersesuaian dengan keperluan Latihan Pendidikan Luar (LPL).
- c) Membantu pengusaha homestay mengenalpasti elemen-elemen kognitif, psikomotor dan afektif dalam segala aktiviti yang dilaksanakan.
- d) Membantu pihak pentadbiran universiti, badan berkanun, institusi swasta dan sekolah mencari pusat latihan pendidikan luar terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar supaya program dan aktiviti yang dirancang dapat dijalankan dengan sempurna dan sebaik-baiknya di samping dapat memberi impak yang positif kepada pengguna atau pengunjung khususnya para pelajar.
- e) Membantu perunding dan pengurus aktiviti pendidikan luar mendapat khidmat sesebuah homestay yang memenuhi keperluan pelajar-pelajar sesuai dengan

matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

- f) Membantu institusi masyarakat kampung, pendidikan, dan negara mendapat khidmat homestay yang dapat membangunkan modal insan secara maksimum sesuai dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

### **1.8.1 Pengurusan Homestay**

Kajian ini dapat membantu pihak pengurusan homestay mengetahui elemen-elemen yang diperlukan dalam menjadikan homestay sebagai Pusat Latihan Pendidikan Luar. Dengan itu, kajian ini akan dapat membantu pihak pengurusan homestay mengenalpasti kemudahan-kemudahan yang perlu disediakan untuk mengadakan aktiviti pendidikan luar di tempat mereka.

### **1.8.2 Pengurus Aktiviti Pendidikan Luar (Ketua, Guru, dan Fasilitator )**

Sebagai pengurus aktiviti pendidikan luar perlulah memilih serta mencari tempat atau kawasan yang strategik serta bersesuaian dengan aktiviti pendidikan luar yang hendak dilakukan di samping memastikan segala kemudahan dan keperluan ketika melakukan aktiviti lengkap dan cukup. Selain itu, keselamatan tempat melakukan aktiviti juga perlu diambil kira.

### **1.8.3 Pelajar-pelajar**

Dalam kajian ini ia akan dapat menarik minat pengguna ataupun pengunjung, khususnya para pelajar semula mencebur diri dalam bidang kokurikulum dan tidak terlalu obses dengan akademik sahaja memandangkan homestay juga mampu dan

boleh menyediakan struktur, kemudahan dan keperluan yang sempurna dan lengkap untuk melaksanakan aktiviti kokurikulum yang tidak dapat dilakukan di sekolah.

#### **1.8.4 Masyarakat Kampung**

Kajian ini juga dapat membantu masyarakat kampung memperkenalkan hasil tanaman serta ternakan mereka kepada orang luar terutamanya kepada pelancong dan para pelajar yang mengadakan aktiviti pendidikan luar di homestay kawasan pertanian mereka.

### **1.9 Definisi Istilah**

Terdapat beberapa istilah yang perlu didefinisikan dalam kajian ini ialah:

#### **a) Homestay**

Bermaksud menyediakan tempat tinggal di luar bandar kepada pelancong dengan tujuan mempelajari budaya, cara hidup tuan rumah di mana sanggup dan bersedia bertukar-tukar pandangan dan pendapat tentang ilmu, adat dan budaya. Tuan rumah bukan sahaja menyediakan tempat tinggal malah mereka juga perihatin tentang makanan dan lawatan ke kawasan perkampungan.

**b) Pusat Latihan Pendidikan Luar**

Merupakan organisasi yang berdaftar menguruskan serta menyediakan tempat dan alatan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti pendidikan luar seperti aktiviti berkhemah, berkayak, kem motivasi, kem bina insan dan banyak lagi.

**c) Strategik**

Istilah strategik pula berasal dari bahasa Greek *Strategos* yang boleh diertikan sebagai 'Fungsi Seorang Jeneral'(Mohamed, 1998). Dalam istilah ketenteraan ia memberi erti 'Kepakaran Seorang Jeneral' menggunakan pelbagai cara dan teknik yang sesuai dalam menangani ancaman musuh

**1.10 Kesimpulan**

Bab ini telah menjelaskan tentang isu berbangkit yang hendak dikaji mengenai kesesuaian pusat dan program homestay di Tawar Farm @ Plantation di Muar dan Pusat Homestay di Kampong Sarang Buaya, di Batu Pahat, Johor sebagai Pusat Latihan Pendidikan kepada para pengunjung khususnya para pelajar di institusi pendidikan di Malaysia.

## **BAB II**

### **SOROTAN KARYA**

#### **2.0 Pengenalan**

Pendidikan luar boleh didefinisikan sebagai sebarang proses pengajaran dan pembelajaran yang merentasi pelbagai matapelajaran dan dijalankan samada di dalam atau di luar bilik kuliah (Ford, 1981). Ia merangkumi banyak subjek yang berkaitan secara langsung dengan alam persekitaran dan situasi hidup sebenar di luar bilik kuliah. Pendidikan luar menumpukan kepada penggunaan teknik pembelajaran secara *hands-on*, untuk mendapat pengetahuan. Buku bacaan perlu disokong dengan pengalaman agar pelajar dapat memahami isi kandungannya dengan lebih mudah. Maka ia merupakan suatu pendekatan pembelajaran bersifat realistik yang boleh memperkembangkan elemen kognitif, psikomotor dan afektif yang berpusat kepada pelajar (Kraft, 1985 petikan dari Priest dan Gass, 1997; m.s. 17).

Benjamin Bloom (1994) menjelaskan taxonomi ialah kajian tentang prinsip, peraturan, dan amalan dalam pengelasan organisma berdasarkan persamaan dan perbezaan sifat organisma itu. Dalam bidang pendidikan, taksonomi ialah satu model yang biasa digunakan untuk menganalisis bidang-bidang pendidikan. Ia berkaitan

dengan objektif-objektif pendidikan yang melibatkan bidang-bidang seperti pengetahuan, sikap dan psikomotor. Tujuan pendidikan ialah untuk memperkembangkan domain kognitif, afektif dan psikomotor individu.

Domain kognitif membincangkan ingatan semula atau pengecaman pengetahuan dan perkembangan kebolehan intelek dan kemahiran. Objektif kognitif berubah-ubah daripada mengingati kembali dengan mudah bahan-bahan yang telah dipelajari hinggalah kepada menggabung serta mensintesiskan idea dan bahan baru dengan cara yang asli dan kreatif. Domain yang membincangkan pengetahuan seperti mengenal fakta-fakta, perangkaan, teori-teori dan kefahaman. Merupakan domain yang utama berkaitan dengan kebanyakan perkembangan pengujian masa kini.

Domain afektif menekankan nada rasa, emosi atau satu darjah penerimaan atau penolakan. Berubah-ubah daripada perhatian biasa terhadap fenomena yang tertentu hinggalah kepada ciri-ciri dalaman bagi perwatakan dan suara hati yang konsisten tetapi kompleks. Dinyatakan di dalam hasil-hasil penulisan sebagai minat, sikap, apresiasi, nilai, dan set emosi atau bias (bayangan perasaan).

Domain psikomotor menekankan kemahiran otot atau motor, beberapa pengendalian bahan dan objek yang dimanipulasi atau beberapa tindakan yang memerlukan koordinasi otot saraf. Dikaitkan dengan tulisan tangan dan pertuturan dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

Kesimpulannya domain kognitif melibatkan perkembangan pemikiran pelajar. Domain afektif pula melibatkan perkembangan sikap dan nilai pelajar. Akhirnya domain psikomotor melibatkan perkembangan kemahiran fizikal pelajar. Gabungan elemen kognitif, psikomotor dan afektif akan menyumbang kepada pembinaan penghargaan diri (*self-esteem*) ke arah pembentukan pelajar yang sihat mental dan fizikal (Edginton, 1992). Bahkan di dalam psikologi, '*self-esteem*' secara umumnya merujuk kepada pengetahuan, kepercayaan, tentang dirinya yang berkaitan dengan idea, perasaan, sikap, dan jangkauan (Pajares dan Schunk,

2001). Weare (2000) menyatakan bahawa kesihatan mental diri terbina melalui sosialisasi kemasyarakatan.

Tokoh teori *learning by doing* John Dewey (1939), petikan dari Brown, (1998) menyatakan wujud keperluan dan hubungan yang rapat antara pengalaman sebenar dan pendidikan. Selain itu, pendidikan luar membantu memperkembangkan fizikal, mental, sosial dan semangat yang berkualiti (Meier dan Mitchell, 1993).

Pendidikan luar biasanya merujuk kepada pembelajaran yang dikendalikan di kawasan luar. Program pendidikan luar biasanya melibatkan rumah penginapan atau perjalanan-berasaskan pengalaman di mana pelajar terlibat di dalam pelbagai cabaran yang *adventurous* di dalam bentuk aktiviti-aktiviti luar, seperti *hiking*,

memanjat, keno, kursus ikatan, dan permainan kumpulan. Pendidikan luar dilakar berasaskan falsafah, teori, dan latihan kepada pengamalan pendidikan dan pendidikan persekitaran.

## **2.1 Pendidikan Luar dan Aktiviti Pendidikan Luar**

Terdapat pelbagai definisi tentang pendidikan luar. Ford (1981) mendefinisikan pendidikan luar sebagai program yang meliputi penggunaan persekitaran semula jadi bagi tujuan mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran kurikulum yang sedia ada. Ini merangkumi perkembangan pengetahuan, kemahiran dan sikap khususnya penggunaan masa senggang. Manakala Knapp (1981) menyatakan bahawa pendidikan luar sebagai alat untuk mencapai matlamat dan objektif pendidikan dan Hammerman et al., (1985) telah mendefinisikan pendidikan



luar sebagai landasan untuk mengenal pasti pelbagai pengetahuan yang boleh dipraktikkan dalam situasi seharian. Diskusi ilmiah tentang kegiatan pendidikan luar dan rekreasi, 2008. Definisi lain pula adalah sekumpulan manusia yang menyertai aktiviti-aktiviti *adventure* yang terancang di dalam suasana semula jadi dan menjadikan diri sendiri sebagai sumber utama untuk menyelesaikan masalah (Neill, 2006).

Pendidikan luar merupakan suatu bidang pendidikan yang amat unik kerana menggabungkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan teori dan praktikal di alam sekitar. Antara aktivitinya yang kerap dilaksanakan dalam pendidikan luar ialah lawatan, perkhemahan, berkayak, mendaki dan lain-lain lagi. (Priest, 1986) mendefinisikan pendidikan luar sebagai suatu proses pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan pengalaman nyata (*experiential learning*) dan secara amnya dijalankan di luar bilik darjah. Matlamat utama bidang ini ialah membentuk perubahan tingkahlaku yang berpanjangan melalui pengalaman sepanjang hayat. Pendidikan luar memberikan alternatif kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui pengalaman secara langsung yang jauh berbeza dari proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Seperti definisinya, matlamat pendidikan luar juga pelbagai. Priest dan Gass (1997) menyenaraikan empat program untuk mencapai tujuan seperti berikut:-

- Rekreasi – bertujuan untuk mengubah cara manusia merasai nikmat matlamatnya ialah kesenggangan, keseronokan dan bersuka ria.
- Pendidikan – bertujuan untuk mengubah cara manusia berfikir dan merasai nikmat : di mana matlamatnya ialah untuk mempelajari kemahiran dan pengetahuan.
- Pertumbuhan – bertujuan untuk mengubah cara manusia merasai nikmat, berfikir dan bertindak. Matlamatnya ialah untuk membina objektif sendiri, mendisiplinkan diri sendiri dan menghasilkan *self esteem*.

- Pemulihan/Mengubah Panduan – bertujuan mengubah cara manusia merasai nikmat, berfikir, bertindak dan menentang.

### **2.1.1. Faktor Pendidikan Luar Dapat Membina Kesedaran dan Kefahaman yang Positif Terhadap Alam Sekitar .**


#### **2.1.1.1 Pembelajaran berlangsung di alam sekitar**

Secara umumnya, hampir keseluruhan aktiviti pengajaran dan pembelajaran pendidikan luar dilaksanakan di luar bilik darjah. Situasi ini mewujudkan suatu suasana yang unik kerana penggiat dapat berinteraksi secara langsung dengan alam sekitar (Martin, 1999). Di samping itu menegaskan bahawa interaksi secara langsung ini dapat mewujudkan pengetahuan dan kesedaran individu terhadap kepentingan alam sekitar sekaligus mendorong pembentukan keharmonian di antaranya *human-nature relationship*.

#### **2.1.1.2 Konsep dan fokus pendidikan luar**

Sebagaimana yang telah diterangkan, pendidikan luar secara umumnya terbahagi kepada tiga fokus utama iaitu: (a) alam sekitar; (b) pendidikan rekreasi; dan (c) pembinaan insan *outdoor life skills*. (Rajah 1). Model ini `Outdoor Experiential Learning` membantu pelajar membina kemahiran-kemahiran fizikal yang akhirnya menzahirkan keyakinan sendiri `self-confidence`. Melalui ini juga akan menyuburkan lagi perasaan menghormati alam sekitar sama ada alam semulajadi mahupun buatan manusia. Melalui metod pendidikan luar yang menggabungjalinkan kurikulum yang

khusus di samping memasukkan elemen-elemen untuk pembangunan dan menyemai dalam pelajar untuk menjadi rakyat yang mengambiltahu dan bertanggungjawab. Selanjutnya ianya adalah untuk pembinaan `Kesedaran Alam Sekitar, memperolehi `Pengetahuan Ekologi`,menggalakkan dan menyemai sikap pemuliharaan `Attitude of Conservation` kepada alam sekitar yang semulajadi. Oleh itu, melalui tiga fokus di atas, pendidikan luar alam sekitar yang kaya dengan potensi pengalaman kehidupan sebenar dan penggunaan pelbagai deria, ianya menjadi pelengkap kepada sistem pendidikan kita dengan melakukan intergrasi peluang-peluang pembelajaran demi membangunkan keperibadian dan penyelesaian masalah kumpulan yang mana amat diperlukan dan penting dalam dunia sebenar hari ini.



Rajah 1: Fokus utama bidang pendidikan luar (Law, 1998)

**(a) Pendidikan Alam Sekitar.**

Merujuk Rajah 1, fokus pendidikan alam sekitar atau juga dikenali sebagai `Environmental Educataion` dalam pendidikan luar bermatlamat untuk